

44

Soalan No: 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]

**TARIKH :** 7.3.2018 (RABU)

**SOALAN :**

Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan 10 buah SJKC baharu dan pemindahan 6 buah SJKC yang telah diluluskan pada 26 Oktober 2017

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) adalah bagi memenuhi keperluan pendidikan anak-anak masyarakat / daerah setempat selaras dengan keperluan sosial dan ekonomi serta akses kepada pendidikan untuk semua. Bagi memenuhi keperluan pendidikan masyarakat Cina, pembinaan SJKC baharu dilaksanakan di kawasan yang mempunyai penduduk kaum Cina yang ramai. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan permohonan pembangunan sepuluh (10) buah SJKC baharu dan pemindahan enam (6) buah SJKC ke kawasan baharu. Pada masa ini, status pembangunan dan pemindahan sekolah-sekolah tersebut sedang dalam tindakan yang merangkumi urusan berkaitan pemilikan tanah dan perbincangan dengan pihak tertentu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

RJM08